

NOVEL DI SEBALIK DINARA

Tema

Tema novel ini ialah persaingan manusia dalam penciptaan sains dan teknologi sehingga menghilangkan nilai kemanusiaan, termasuk terhadap ahli keluarga sendiri. Karl terlalu taasub untuk membuktikan kehebatannya dalam ciptaan sains sehingga mengorbankan ramai manusia sebagai bahan kajiannya. Antaranya termasuklah Aqram, adiknya sendiri dan Rusmina (Alia), iaitu isterinya. Malahan, Karl menanam pelbagai implan dan memasukkan ubat-ubatan dalam tubuh bayinya, iaitu Farisha untuk menjadikan anaknya itu genius dan mampu meneruskan kehebatannya dalam bidang sains. Marilyn pada awalnya bekerja sebagai pembantu penyelidik Karl. Apabila Karl menyedari Marilyn lebih hebat daripadanya, dia menjadikan Marilyn bahan uji kajiannya sehingga wanita itu menjadi separuh gila. Marilyn berdendam kepada Karl lalu menyebarkan virus ke dalam sistem komunikasi terbaharu yang dihasilkan oleh Karl, iaitu Dinara.

Persoalan

1. Persoalan kecanggihan sains dan teknologi

Soft Lab (M) Sdn. Bhd. mempunyai kelengkapan dan sistem keselamatan yang serba canggih. Rumah Farisha juga dilengkapi alat keselamatan yang canggih.

2. Persoalan kasih sayang terhadap ahli keluarga

Azraai sangat menyayangi adik angkatnya, Farisha.

3. Persoalan hubungan persahabatan yang erat

Farisha dan Shida berkawan rapat dan saling menerima perangai antara satu sama lain seadanya.

4. Persoalan kepincangan keluarga dalam kalangan masyarakat

Karl tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai suami dan ayah dengan baik.

5. Persoalan penderitaan batin yang dialami oleh seorang ibu kerana terpisah dengan anak kandungnya

Medina (Marilyn) menderita kerana merindui anaknya, Farisha.

6. Persoalan kesetiaan kepada majikan

Dr. Maxi dan Aqram merupakan pekerja Soft Lab yang paling setia terhadap majikan mereka, Karl.

7. Persoalan nilai kemanusiaan sesama insan

Dr. Maxi dan Aqram membantu Medina (Marilyn) melarikan Farisha untuk diserahkan kepada keluarga angkat kerana tidak sanggup melihat bayi itu terus dijadikan bahan kajian Karl.

Teknik plot

Dialog	Perbualan antara Farisha dengan Azraai tentang Marilyn yang telah dapat menjejak Farisha.
Teknik imbas kembali	Azraai teringat akan peristiwa ketika keluarganya menerima Farisha sebagai anak angkat 26 tahun yang lalu.
Teknik sapsens	<ol style="list-style-type: none"> Pembaca tertanya-tanya tentang punca kehilangan Medina daripada Soft Lab. Pembaca tertanya-tanya tentang perkara sebenar yang berlaku kepada Shida apabila dia meronta-ronta dan rnebanting-banting dirinya ketika menjalani sesi komunikasi bawah sedar dengan Karl. Pembaca tertanya-tanya tentang peristiwa yang beriakku seterusnya setelah Farisha diculik.

Teknik kejutan	<ul style="list-style-type: none"> a. Pembaca terkejut apabila mengetahui Alia ialah isteri Karl suatu waktu dahulu. b. Pembaca terkejut apabila mengetahui Alia, Khairul Anwar, Aqram, dan ratusan pekerja Soft Lab merupakan <i>cyborg</i> yang dicipta oleh Karl. c. Pembaca terkejut apabila mengetahui Marilyn ialah Medina dan merupakan ibu kandung Farisha manakala Karl ialah ayah kandung Farisha.
----------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Watak dan Perwatakan

Farisha Rizal (Watak utama)	<ul style="list-style-type: none"> a. Usianya dalam lingkungan 26 tahun. b. Dia anak kandung Marilyn (Medina) dan Karl. Dia juga adik angkat Azraai dan adik ipar Kak Mariah. c. Farisha pemilik syarikat perkongsian, Secured Shell Sdn. Bhd. dan bekerja sebagai jurutera keselamatan sistem. Dia juga pakar penggodam sistem teknologi maklumat. d. Farisha memiliki sejenis pendinding yang dipanggil <i>WALL</i> pada tubuhnya yang berfungsi untuk menjaga mindanya daripada dipengaruhi oleh sesiapa sahaja. e. Dia genius. Ketika bayi, tubuh Farisha telah dimasukkan pelbagai implan dan ubat oleh Karl untuk menjadikannya genius. f. Farisha juga penyayang. Buktinya, dia sangat menyayangi abang angkatnya, Azraai. g. Farisha berhati-hati dalam membuat keputusan. Buktinya, dia berbincang dengan rakan kongsinya, Rosman dan abangnya, Azraai sebelum menerima tawaran projek daripada Soft Lab. h. Dia amat mementingkan kesempurnaan. Buktinya, dia menyusun semua barangnya mengikut kategori, warna, kegunaan. dan pelbagai peraturan yang diciptanya sendiri. i. Dia juga tidak mudah berprasangka buruk terhadap orang lain. Buktinya, dia tidak menerima pendapat Shida bahawa Alia mungkin pernah melakukan pembedahan plastik besar-besaran terhadap wajahnya kerana dia tidak mengenali Alia.
Karl	<ul style="list-style-type: none"> a. Karl ialah suami Rusmina (Alia). b. Dia bapa kandung Farisha. c. Karl saintis hebat yang telah berjaya mencipta pelbagai teknologi dan pemilik syarikat Soft Lab (M) Sdn. Bhd. d. Dia sangat taasub akan penciptaan sains dan teknologi sehingga menyebabkan dia pemarah dan tidak suka akan kekalahan. Buktinya, dia bersaing dengan Marilyn (Medina) untuk menunjukkan kehebaian masing-masing dalam bidang teknologi. e. Karl murtad dan menjadi ateis. Oleh sebab dia tidak mempercayai Tuhan, dia memaksa isterinya, Rusmina meninggalkan agama Islam. f. Dia kejam. Buktinya, dia mendera Rusmina yang tidak mahu menurut katanya dengan teruk sehingga cacat serta membunuh gelandangan dan banduan untuk menukar identiti mereka supaya dapat dijadikan pekerja-pekerjanya. Malahan, dia memasukkan pelbagai implan dan ubat ke dalam tubuh Farisha yang masih bayi tanpa diberikan ubat

	<p>buis.</p> <p>g. Namun demikian, Karl insaf akan kesalahannya. Hal ini dinyatakan melalui watak Shida ketika ingatannya dipindahkannya kepada Shida.</p> <p>h. Pada akhir cerita, Karl mati setelah koma akibat menghidap kanser usus tahap empat.</p>
Medina (Marilyn)	<p>a. Nama sebenarnya ialah Marilyn, berketurunan Portugal, cantik, putih, dan berambut keriting.</p> <p>b. Namanya ditukar sebagai Medina oleh Karl setelah dia bekerja di Soft Lab.</p> <p>c. Medina ialah ibu kandung Farisha.</p> <p>d. Dia bijak dan hebat dalam bidang sains. Buktinya, dia banyak menempa kejayaan ketika bekerjasama dengan Karl dalam kerja-kerja penyelidikan.</p> <p>e. Dia pendendam. Buktinya, dia berdendam kepada Karl kerana menanam pelbagai implan dan ubat ke dalam tubuh anaknya yang masih bayi lalu bertindak menghantar virus ke dalam sistem Dinara yang dicipta oleh Karl.</p> <p>f. Namun demikian, sebagai ibu, dia penyayang. Buktinya, dia menyerahkan Farisha kepada keluarga angkat kerana tidak sampai hati membiarkan anaknya itu dijadikan bahan kajian Karl. Sejak itu, dia menderita kerana amat merindui Farisha.</p>
Shida	<p>a. Shida ialah rakan serumah Farisha.</p> <p>b. Hobinya ialah bersukan. Buktinya, dia bermain skuasy dengan Farisha atau dengan JUJU.</p> <p>c. Shida berpendidikan tinggi dan banyak pengetahuan. Buktinya, dia berkelulusan dalam bidang undang-undang dan rajin membaca. Dia tidak bekerja sebagai peguam, tetapi sebagai penulis.</p> <p>d. Shida tidak tahu mengurus masa, diri, dan barang miliknya serta tidak menjaga kebersihan diri. Buktinya, dia sering bangun tidur lewat, tidak suka mandi pagi, dan menyepahkan barang-barangnya di merata-rata tempat.</p> <p>e. Shida setia kawan. Buktinya, dia sanggup menghantar Farisha ke stesen monorel setelah Farisha mengejutkannya daripada tidur dan bersimpati kepada Farisha apabila mengetahui Farisha hanyalah adik angkat Azraai.</p> <p>f. Dia prihatin. Buktinya, dia segera ke hospital untuk menziarahi Farisha yang dirawat setelah pengsan di tempat kerja.</p>

Latar

1. Latar tempat

- Lapangan Terbang Senai - Farisha menaiki kapal terbang dari Senai ke Kuala Lumpur.
- Stesen Monorel Bukit Nanas - Farisha berbual-bual ringkas dengan seorang wanita separuh umur yang memakai gelang getah berwarna ungu yang menandakan dirinya pesakit kanser.
- Bilik kerja Farisha di Soft Lab - Farisha diberikan penerangan oleh Alia dan Aqram tentang tugasannya.

- d. Rumah Karl di Puchong - Farisha dan Rosman dibawa berjumpa dengan Karl yang koma kerana menghidap kanser usus tahap empat.
- e. Rumah Azraai - Farisha mendapat tahu tentang penyakit abangnya dan kenyataan bahawa dia hanya anak angkat.

2. Latar masa

- a. Pada waktu pagi - Farisha menunggu kedatangan Rosman untuk bersama-sama menghadiri simposium di Hotel Renaissance.
- b. Pada waktu petang - Shida menyelongkar peti sejuk dan bilik Farisha untuk mencari kalau-kalau ada ubat yang dimakan oleh Farisha.
- c. Pada waktu malam - Farisha, Rosman, dan Shida meneliti dokumen undang-undang projek mini yang ditawarkan oleh Soft Lab
- d. 26 tahun yang lain - Karl memberi beberapa suntikan untuk meningkatkan kecerdasan akal Farisha agar Farisha menjadi genius.
- e. 30 tahun yang lalu - Karl mencipta Aqram sebagai *cyborg* dan diberikan identiti baharu.

3. Latar masyarakat

- a. **Masyarakat saintis yang taasub akan teknologi** - Karl dan Medina gigih berusaha untuk mencipta pelbagai rekaan demi kepuasan diri mereka.
- b. **Masyarakat yang saling berkasih sayang** - Azraai dan Farisha saling menyayangi dan mengambil berat tentang kesihatan dan keselamatan masing-masing.
- c. **Masyarakat yang celik ilmu teknologi maklumat** - Farisha, Medina, dan Karl memiliki ilmu yang mendalam dalam bidang teknologi maklumat.
- d. **Masyarakat yang amanah** - Sebagai pekerja Soft Lab, Dr. Maxi, Aqram, dan Khairul Anwar berusaha untuk memenuhi amanah Karl yang mahu mereka mencari Farisha sehingga berjumpa demi menyelamatkan Dinara.
- e. **Masyarakat yang pendendam** - Medina berdendam kepada Karl kerana mensabotajnya sehingga dia menjadi gila.
- f. **Masyarakat yang bijak** - Farisha dapat mengesan banyak kelemahan Dinara walaupun baru sahaja mendengar penerangan ringkas tentang Dinara daripada Aqram.

Nilai

1. **Nilai kesyukuran**
Farisha bersyukur kerana dia membesar dalam keluarga Islam.
2. **Nilai kasih sayang**
 - i. Azraai sangat menyayangi Farisha meskipun Farisha hanyalah adik angkatnya.
 - ii. Medina (Marilyn) melarikan Farisha untuk menyelamatkan anaknya itu daripada terus menjadi bahan kajian Karl.
 - iii. Rusmina sangat menyayangi Karl meskipun suaminya itu menderanya dengan teruk.
3. **Nilai keberanian**
Farisha berani menghadapi cabaran dalam usaha menggodam sistem Dinara bagi menyelamatkan para pekerja Soft Lab.
4. **Nilai kerajinan**
Medina gigih dan cekal mencari anaknya, Farisha yang telah diserahkan kepada keluarga angkat.

5. **Nilai hormat-menghormati**
Aqram, Dr Maxi, dan Khairul Anwar sangat patuh akan arahan ketua mereka, iaitu Karl.
6. **Nilai kerjasama**
Rosman dan Farisha bekerjasama untuk membangunkan syarikat mereka, iaitu Secured Shell.

Pengajaran

1. **Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga kita.**
Azraai sangat menyayangi adik angkatnya, Farisha.
2. **Kita hendaklah berfikir sebelum membuat keputusan.**
Farisha meminta pandangan Azraai apabila menerima tawaran projek mini bernilai tinggi daripada Soft Lab kerana abangnya itu lebih berpengalaman.
3. **Kita haruslah mengamalkan semangat setia kawan dalam persahabatan.**
Shida banyak membantu Farisha.
4. **Kita haruslah menyempurnakan amanah yang diberikan kepada kita dengan baik.**
Dr. Maxi, Aqram, dan Khairul Anwar berusaha untuk menunaikan amanah Karl, iaitu mencari Farisha sehingga berjumpa.
5. **Kita janganlah berdendam kepada orang lain.**
Perbuatan Medina yang menyerang perisian komputer ciptaan Karl dengan memasukkan virus janganlah kita ikuti.